

27 AUG 1998

Sabbaruddin-Hotel

LEBIH BANYAK HOTEL SERI MALAYSIA DALAM TEMPOH LIMA TAHUN

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Kerajaan merancang untuk meneruskan projek pembinaan rangkaian Hotel Seri Malaysia, projek hotel kos sederhana, di semua bandar besar dan sederhana dalam tempoh lima tahun dari sekarang.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik berkata kertas kerja mengenai perkara itu sedang dirumuskan untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

Berucap di majlis penyampaian anugerah Hotel Seri Malaysia Terbaik 1997, beliau berkata produk hotel tempatan berupaya membantu menggalakkan industri pelancongan negara terutama berhubung kemudahan penginapan bagi pelancong tempatan.

"Kita akan pastikan Hotel Seri Malaysia ini diwujudkan di seluruh negara terutama di lokasi-lokasi pelancongan yang berpotensi termasuk Sabah dan Sarawak," katanya.

Beliau juga yakin pelaksanaan operasi hotel itu secara francais mampu mewujudkan golongan baru usahawan Bumiputera dalam bidang perhotelan kelas sederhana.

Sementara itu, Pengerusi Gateway Inn Management Sdn Bhd, Mukhriz Mahathir berkata perniagaan hotel kos sederhana mempunyai potensi pasaran yang cukup baik dalam industri perhotelan dan pelancongan tempatan.

Menurutnya, kadar purata penginapan meningkat kepada 60 peratus pada tahun lalu berbanding 54 peratus pada tahun 1996 dan 53 peratus tahun 1995 iaitu tahun pertama operasi.

Hasil kasar operasi pada tahun lalu juga meningkat kepada RM33.6 juta berbanding RM32.6 juta pada 1996 dan RM13.2 juta pada tahun 1995.

Gateway Inn Management Sdn Bhd, anak syarikat Reliance Pacific Berhad, telah diberi tanggungjawab oleh Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd untuk membantu dan mentadbirkan francais Seri Malaysia.

Sehingga ini terdapat 16 buah hotel Seri Malaysia di seluruh negara dengan sejumlah 1,574 bilik, termasuk yang terbaru di Genting Highlands.

Pemenang pertama anugerah itu ialah Hotel Seri Malaysia Kuantan, diikuti Hotel Seri Malaysia Pulau Pinang di tempat kedua, dan Hotel Seri Malaysia Johor Baharu memenangi tempat ketiga.

Hotel Seri Malaysia Bagan Lalang memenangi hadiah pengiktirafan sumbangan kepada sektor pelancongan manakala Hotel Seri Malaysia Alor Setar memenangi hadiah pengiktirafan inisiatif terbaik.

Penilaian dibuat berdasarkan kepada prestasi perniagaan, operasi pengurusan hotel dan penilaian secara keseluruhan.

-- BERNAMA

WNZ oba